MALAYSIA MADANI

LAPORAN TAHUNAN 2022

LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN (LPKP) SABAH & SARAWAK

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA

ISI KANDUNGAN

MAKLUMAT KORPORAT	MUKA SURAT
• LATAR BELAKANG	5
• VISI	5
• MISI	5
• OBJEKTIF	5
• TERAS STRATEGI	6
• BIDANG KUASA DAN FUNGSI	6

LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SARAWAK	MUKA SURAT
• PERUTUSAN PENGERUSI LEMBAGA	8
• PERUTUSAN SETIAUSAHA	9
• MAKLUMAT AHLI LEMBAGA	10
• AHLI LEMBAGA	11
• PIAGAM PELANGGAN	12
1. PRESTASI	13
1.1 PRESTASI KEWANGAN	13
1.2 ANALISIS PRESTASI KEWANGAN	14
1.3 MESYUARAT LEMBAGA	15
1.4 PERMOHONAN LESEN	16
1.5 RAYUAN	18
1.6 KEDUDUKAN LESEN AKTIF	19
1.7 DASAR-DASAR DAN PERATURAN-PERATURAN BARU TAHUN 2022	20
1.8 SIRI MESYUARAT LEMBAGA	23
• DIREKTORI	24
• LAMPIRAN	26

ISI KANDUNGAN

LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SABAH	MUKA SURAT
• PERUTUSAN SETIAUSAHA	41
• AHLI LEMBAGA	42
• STRUKTUR ORGANISASI	43
• PIAGAM PELANGGAN	44
1. PRESTASI	45
1.1 PRESTASI KEWANGAN	45
1.2 ANALISIS PRESTASI KEWANGAN	47
1.3 MESYUARAT LEMBAGA	47
1.4 PERMOHONAN LESEN	48
1.5 RAYUAN	49
1.6 CETAKAN LESEN	49
1.7 KEDUDUKAN LESEN AKTIF	49
1.8 DASAR-DASAR DAN PERATURAN-PERATURAN BARU TAHUN 2022	50
1.9 PENUTUP	51
• LAMPIRAN	53
• DIREKTORI	70

MAKLUMAT KORPORAT

LATAR BELAKANG LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN

Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) telah ditubuhkan di bawah Seksyen 3, Akta LPKP 1987 (Akta 334) dan bertanggungjawab untuk melaksana Akta LPKP 1987 (Akta 334) dan Kaedah-Kaedah yang telah diperuntukkan di bawahnya.

Pada tahun 2018, Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Sarawak dan Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Sabah telah diletakkan di bawah Kementerian Pengangkutan Malaysia bagi menguatkuasakan Akta LPKP 1987 (Akta 334).

Ibu Pejabat LPKP Sarawak terletak di **Kuching** dan mempunyai dua (2) buah pejabat cawangan iaitu di **Sibu** (Zon Tengah) dan **Miri** (Zon Utara).

Manakala Ibu Pejabat LPKP Sabah terletak di **Kota Kinabalu** dan turut mempunyai dua (2) buah pejabat cawangan iaitu di **Tawau** dan **Sandakan**.

VISI & MISI

VISI

"Peneraju Transformasi Perkhidmatan Pelesenan Kenderaan Perdagangan Bertaraf Dunia"

MISI

"Memastikan Perkhidmatan Pelesenan Kenderaan Perdagangan Berdaya Saing Tinggi, Telus, Berintegriti Dan Bersepadu"

OBJEKTIF

a. Merancang dan mewujudkan dasar dan syarat-syarat pelesenan kenderaan perdagangan.
b. Melaksana dasar, polisi dan syarat-syarat pelesenan yang telah ditetapkan.
c. Menggalakkan pelanggan yang berpotensi untuk berlesen dengan LPKP.
d. Memantau dan menilai impak pelaksanaan dasar, polisi dan syarat-syarat pelesenan.
e. Mempertimbangkan dan meluluskan permohonan baharu, membaharui dan ubah syarat lesen kenderaan perdagangan berasaskan keperluan semasa.
f. Melaksanakan undang-undang di bawah Akta LPKP 1987 (Akta 334) dan kaedah-kaedah berkenaan.
g. Memantau pematuhan undang-undang oleh pengusaha kenderaan perdagangan.
h. Menyelesaikan aduan masyarakat terhadap perkhidmatan kenderaan perdagangan.
i. Meningkatkan aspek-aspek keselamatan, keselesaan dan keceriaan pengangkutan awam

TERAS DAN STRATEGI

i. Mewujudkan peluang perniagaan melalui pemberian lesen kenderaan perdagangan kepada organisasi atau individu yang berkelayakan dan berminat dalam bidang ini.

ii. Memberi latihan dan khidmat nasihat kepada pengusaha kenderaan perdagangan melalui kursus dan dialog bagi mengembangkan budaya keusahawanan dan meningkatkan kefahaman mereka tentang dasar serta peraturan baru LPKP.

iii. Mewujudkan dasar dan peraturan baru bagi melindungi hak dan kepentingan pengusaha serta pengguna.

iv. Mewujudkan suasana yang kondusif bagi melahirkan usahawan berdaya saing supaya kekal dan lebih kreatif dalam usaha meningkatkan kualiti perkhidmatan.

BIDANG KUASA DAN FUNGSI

Bidang kuasa dan fungsi LPKP sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta LPKP 1987 (Akta 334) adalah seperti berikut:

- Menimbang dan meluluskan permohonan untuk mendapatkan lesen baru, membaharui dan ubahsyarat bagi semua kelas lesen kenderaan perdagangan di seluruh negeri Sabah dan Sarawak;
- Mengenakan syarat-syarat ke atas semua kelas lesen kenderaan perdagangan yang meliputi penetapan kadar tambang, penentuan peringkat tambang, jadual perjalanan, bilangan penumpang, kawasan operasi, berat dan jenis barang-barang, hal-hal pengendalian dan syarat-syarat khas yang lain;
- Menggantung, membatal atau mengenakan apa-apa hukuman yang sesuai atas mana-mana kelas lesen kenderaan perdagangan yang disabitkan kesalahan melanggar syarat lesen atau tidak mematuhi mana-mana peruntukan Akta LPKP 1987 (Akta 334) serta kaedah-kaedah yang diperbuat di bawahnya serta undang-undang lain yang berkuatkuasa;
- Menentukan tempoh kuatkuasa lesen bagi semua kelas lesen kenderaan perdagangan;
- LPKP Sarawak : Melesenkan kenderaan perdagangan dari Sabah, Brunei, dan Kalimantan Barat Indonesia atau negara lain yang dibenar beroperasi di Sarawak;
- LPKP Sabah : Mengeluarkan semua lesen kenderaan perdagangan dan pengangkutan awam untuk negeri Sabah dan lesen sementara ke atas kenderaan perdagangan dari Sarawak, Brunei dan Kalimantan (Indonesia) yang memasuki Sabah;
- Membuat kajian laluan baru sebelum memberi pertimbangan ke atas permohonan untuk mendapatkan lesen bas bagi laluan-laluan yang dipohon;
- Mengumpul rekod, penyata kewangan, statistik atau dokumen lain berhubung perniagaan pemegang lesen kenderaan perdagangan;
- Menentukan prosedur permohonan, memproses dan menimbang permohonan lesen, mengenakan bayaran, menetapkan penalti dan menentukan tanda pengenalan kepada kenderaan perdagangan.


LAPORAN
TAHUNAN
2022
LEMBAGA PELESENAN
KENDERAAN PERDAGANGAN
LPKP
SARAWAK
LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN (LPKP) SARAWAK

PERUTUSAN PENGERUSI
LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SARAWAK

Salam Sejahtera,
Salam Sarawakku Sayang,

Edisi kali ini adalah pertama kalinya kita bersua menerusi buku Laporan Tahunan Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Sarawak dan Sabah bagi tahun 2022.

Sepanjang tahun 2022, saya telah berkesempatan untuk bersama-sama turun padang menemui ahli-ahli persatuan pelesen kenderaan perdagangan sekitar Sarikei dan Sibu menerusi program Sesi Dialog Bersama Persatuan Pelesen yang dianjurkan oleh LPKP Cawangan Sibu untuk mendengar keluh kesah dan buah fikiran para pelesen dalam memantapkan lagi industri pengangkutan perdagangan dan pengangkutan awam di Sarawak.

Dalam pada itu juga, saya turut berkesempatan mengadakan pertemuan empat mata bersama Pengerusi LPKP Sabah bagi membincangkan isu-isu berkaitan dengan pengangkutan perdagangan dan pengangkutan awam yang melalui sempadan negeri Sabah dan Sarawak.

Akhir kata, setinggi-tinggi penghargaan buat YB Datuk Seri Dr Wee Ka Siong, Menteri Pengangkutan Malaysia serta Timbalannya, Dato Henry Sum Agong di atas usaha dan gerak kerja yang mantap demi meningkatkan mutu perkhidmatan industri pengangkutan awam negara. Sekalung tahniah dan syabas juga diucapkan kepada Ahli-ahli Lembaga serta seluruh warga kerja LPKP Sarawak di atas pencapaian yang cemerlang sepanjang tahun 2022 di saat negara sedang berada dalam tempoh endemik Covid-19.

YB DATUK DING KUONG HIING
PENGERUSI
LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SARAWAK

PERUTUSAN SETIAUSAHA
LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SARAWAK

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin-Nya, LPKP Sarawak dapat menyiapkan Laporan Tahunan LPKP Sarawak bagi tahun 2022 yang merakamkan satu imbasan menyeluruh paparan aktiviti-aktiviti LPKP Sarawak dalam tempoh setahun.

Tahun 2022 yang merupakan tahun fasa endemik Covid-19 menyaksikan aktiviti sektor ekonomi semakin rancak dan memberangsangkan. Justeru itu, LPKP Sarawak telah berjaya melaksanakan beberapa program tahunan seperti Sesi Dialog bersama Persatuan-persatuan Pelesen Kenderaan Perdagangan, Hari Bersama Pelanggan, Program *Outreach* LPKP Sarawak serta turut serta dalam pameran agensi MOT di Lawas dan Kuching. Program turun padang tersebut turut memberi peluang kepada LPKP Sarawak menawarkan khidmat nasihat terus kepada pelesen serta bakal pelesen yang berpotensi. Secara tidak langsung, program-program tersebut dapat mempromosikan perkhidmatan yang ditawarkan oleh LPKP Sarawak di samping mewar-warkan dasar-dasar dan peraturan baharu yang dilaksanakan.

Sepanjang tahun 2022, LPKP Sarawak telah melaksanakan beberapa dasar dan pekeliling baharu selaras dengan perubahan dasar yang diperkenalkan di peringkat Kementerian. LPKP Sarawak turut memperkenalkan Pelekat Aduan JPJ Sarawak dan LPKP Sarawak yang dipamerkan di badan kenderaan perdagangan bagi menggantikan Pelekat Talian *Hotline* Aduan LPKP Sarawak 1800-88-2466.

Selain daripada itu, LPKP Sarawak juga telah memberi kebenaran kepada Penggerak Utama (*Prime Mover*) untuk menarik semi treler dalam kumpulan syarikat di bawah Lesen Pembawa A (selain kontena) di Sarawak dengan syarat mestilah berdaftar di bawah LPKP Sarawak.

Dalam pada itu juga, LPKP Sarawak turut meluluskan pelanjutan had umur untuk beroperasi bagi Bas Sekolah daripada tidak melebihi 30 tahun kepada tidak melebihi 33 tahun. LPKP Sarawak juga telah meluluskan permohonan Luas Kawasan Operasi (KOP) bagi Teksi yang dilanjutkan tempoh kelulusannya daripada satu (1) tahun kepada mengikut tempoh sah laku permit. Manakala itu, permohonan Luas Kawasan Operasi (KOP) bagi Kereta Sewa yang dilanjutkan tempoh kelulusannya daripada enam (6) bulan kepada mengikut tempoh sah laku permit.

Akhir kata, saya ingin merakamkan sekalung penghargaan kepada seluruh warga LPKP Sarawak dan semua pihak yang telah memberi sokongan padu dalam menjayakan program dan aktiviti sepanjang tahun 2022. Semoga semangat kerjasama yang mantap pada tahun ini akan dapat diteruskan pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

MASITAH BINTI ANNUAR
SETIAUSAHA / PENGARAH
LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SARAWAK

MAKLUMAT AHLI LEMBAGA
LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SARAWAK BAGI TAHUN 2022

Seksyen 6 Akta LPKP 1987 menetapkan bahawa keanggotaan Lembaga hendaklah dilantik oleh Menteri dan terdiri daripada anggota berikut:

1. Pengerusi;
2. Timbalan Pengerusi;
3. Seorang wakil Kerajaan Negeri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi pengangkutan;
4. Seorang wakil Jabatan Pengangkutan Jalan;
5. Seorang wakil Kementerian Persekutuan dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi perkara yang berhubung dengan pelesenan kenderaan perdagangan yang hendaklah menjadi Setiausaha Lembaga; dan
6. Tidak lebih daripada enam orang lain yang pada pendapat Menteri mempunyai pengalaman luas atau pengetahuan khas mengenai perkara yang berhubung dengan pengangkutan.

Senarai Lengkap Ahli Lembaga LPKP Sarawak bagi tahun 2022 adalah seperti di Lampiran A.

AHLI-AHLI LEMBAGA
LPKP SARAWAK BAGI TAHUN 2022



PENGERUSI

YB Datuk Ding Kuong Hiing



TIMBALAN PENGERUSI

YBhg. Dato Peter Minos



SETIAUSAHA

Puan Masitah Binti Annuar



AHLI LEMBAGA

Encik Wan Mohd Asraf Bin Wan Salleh



AHLI LEMBAGA

Encik Norizan Bin Jili



AHLI LEMBAGA

YBHG. Datu Buckland Anak Bangik



AHLI LEMBAGA

Puan Liza Jayub Binti Abdullah



AHLI LEMBAGA

Superintenden Bingkok Anak John



AHLI LEMBAGA

Encik Milton Foo Tiang Wee



AHLI SILIH GANTI

Dr. Lawrence Tseu Sed Kong



AHLI SILIH GANTI

Encik Erick Anak Jusiang



AHLI SILIH GANTI

Encik Thomson Anak Jutis



AHLI SILIH GANTI

DSP Mathew Anak Manggie

PIAGAM PELANGGAN
LPKP SARAWAK

LPKP berjanji untuk memberi perkhidmatan yang mesra, cekap, berkualiti dan saksama kepada semua pelanggan. Semua permohonan yang lengkap dan memenuhi syarat akan diproses dalam tempoh masa hari bekerja seperti berikut.

30 Hari	**Permohonan Baru** ***New Application***
5 Hari	**Membaharui Permohonan** ***Renewal of Licence***
5 Hari	**Ubah Syarat** ***Amendments of Licence Terms***
5 Hari	**Surat Pemberitahuan Keputusan Permohonan Baru** ***Notification Letter of New Application Outcome***
3 Hari	**Cetakan Lesen** ***Printing of Licence***


**hari bekerja*

1. PRESTASI

1.1 PRESTASI KEWANGAN

Ringkasan Perbandingan peruntukan belanja mengurus dan kutipan hasil pada tahun 2021 dan 2022 adalah seperti berikut:

2021		2022	
RM2,976,307.63	Belanja Mengurus	RM3,571,160.79	19.99%
RM2,056,969.00	Kutipan Hasil	RM2,500,915.99	21.58%




CARTA 1

1.2 ANALISIS PRESTASI KEWANGAN

LPKP Sarawak telah menerima peruntukan belanja mengurus yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan, melalui Kementerian Pengangkutan Malaysia. Berikut adalah analisis peruntukan, perbelanjaan mengurus sebenar dan jumlah kutipan hasil tahunan bagi LPKP Sarawak bagi lima (5) tahun ke belakang iaitu bermula pada tahun 2018 sehingga tahun 2022 :

	Peruntukan Diluluskan	Belanja Mengurus	Kutipan Hasil
2018	RM 3,578,400.00	RM 3,496,531.00	RM 1,577,105.00
2019	RM 7,624,092.00	RM 7,528,794.40	RM 2,114,147.63
2020	RM 5,268,332.08	RM 5,263,832.42	RM 2,199,067.25
2021	RM 2,767,001.13	RM 2,976,307.63	RM 2,056,969.00
2022	RM 3,196,067.30	RM 3,571,160.79	RM 2,500,915.99



CARTA 2

LPKP Sarawak juga telah melaksanakan **langkah-langkah penjimatan** bagi mengamalkan perbelanjaan berhemah dan optimum peruntukan Kerajaan, seperti berikut :

01 Kawalan dalaman ke atas arahan kerja lebih masa bagi kerja lebih yang benar-benar penting untuk disiapkan atau dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan sahaja, selaras dengan Perkara 3.14 di dalam Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PB3.1 (Garis Panduan Penjimatan Perbelanjaan Awam);

02 Pergerakan para pegawai bagi menghadiri mesyuarat/tugas rasmi di luar pejabat telah dihadkan dengan minima berdasarkan kompetensi dan keperluan jabatan sahaja. Selain daripada itu, mesyuarat-mesyuarat dalaman berkala telah dijadualkan semula dan menghimpunkan mesyuarat-mesyuarat yang melibatkan penyertaan pegawai yang sama daripada luar ibu pejabat LPKP Sarawak. LPKP Sarawak juga menggunakan kaedah alternatif seperti mesyuarat atas talian secara sidang video bagi mengamalkan langkah-langkah penjimatan peruntukan Kerajaan. Semua perkara ini dilaksanakan selaras dengan Perkara 3.16 di dalam Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PB3.1 (Garis Panduan Penjimatan Perbelanjaan Awam);

03 Para pegawai juga digalakkan untuk tiket penerbangan daripada syarikat penerbangan atau agensi pelancongan yang menawarkan harga yang lebih rendah dan memberikan penjimatan berbanding menggunakan Waran Perjalanan Udara Awam bagi menghadiri mesyuarat/tugas rasmi selaras dengan Perkara 3.17 di dalam Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PB3.1 (Garis Panduan Penjimatan Perbelanjaan Awam); dan

04 Memastikan barang pakai habis seperti peralatan alat tulis, kertas, *cartridge* dan sebagainya digunakan dengan optimum bagi mengelakkan pembaziran. Perkongsian peralatan pejabat secara gunasama seperti mesin faks dan mesin fotostat juga telah dilaksanakan selaras dengan Perkara 3.24 di dalam Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PB3.1 (Garis Panduan Penjimatan Perbelanjaan Awam).

1.3 MESYUARAT LEMBAGA


Pada tahun 2022 LPKP Sarawak mengadakan **10 kali** Mesyuarat Lembaga. Mesyuarat diadakan bertujuan untuk membuat keputusan terhadap permohonan lesen kenderaan perdagangan, menggubal dasar baru, mengkaji semula dasar sedia ada serta membuat ketetapan bagi meningkatkan mutu perkhidmatan kenderaan perdagangan. Rekod terperinci mesyuarat-mesyuarat yang telah diadakan adalah seperti di **Lampiran D**.

1.4 PERMOHONAN LESEN

LPKP Sarawak telah menimbang dan meluluskan permohonan lesen baru, membaharui lesen dan ubah syarat lesen seperti yang diperuntukkan di bawah Akta LPKP 1987 (Akta 334) seperti berikut:

1.4.1 Permohonan Lesen Baru


Sebanyak **2,378** permohonan lesen baru telah diterima pada tahun 2022 berbanding **2,384** pada tahun 2021 iaitu berlaku sedikit penurunan sebanyak **(0.25)%**. Daripada bilangan tersebut, sebanyak **2,312** permohonan lesen diluluskan pada tahun 2022 berbanding **2,210** pada tahun 2021 iaitu peningkatan sebanyak **4.62%** permohonan lesen seperti di **Carta 3**. Pengiraan permohonan yang dilakukan ke atas permohonan baru adalah berdasarkan bilangan unit kenderaan yang dipohon oleh pelesen.



CARTA 3

1.4.2 Permohonan Membaharui Lesen


Sepanjang tahun 2022 sebanyak **6,340** permohonan membaharui lesen telah diterima berbanding **5,472** pada tahun 2021, iaitu berlaku peningkatan ketara sebanyak **15.86%**. Daripada jumlah tersebut **6,003**, permohonan telah diluluskan pada tahun 2022 berbanding 5,201 permohonan bagi tahun 2021, berlaku kenaikan sebanyak **15.42%** seperti di **Carta 4**.



CARTA 4

1.4.3 Permohonan Ubah Syarat Lesen


Sepanjang tahun 2022, sebanyak **3,903** permohonan ubah syarat lesen telah diterima berbanding **3,619** permohonan pada tahun 2021, iaitu berlaku sedikit peningkatan sebanyak **284** permohonan atau **7.85%**. Sebanyak **3,785** permohonan ubah syarat lesen telah diluluskan pada tahun 2022 berbanding **3,436** permohonan bagi tahun sebelumnya, iaitu berlaku peningkatan sebanyak **10.16%** seperti di **Carta 5**.



CARTA 5

1.4.4 Cetakan Lesen

Sepanjang tahun 2022 sebanyak **10,330** permohonan cetakan lesen telah diterima di Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Sarawak berbanding terimaan pada tahun 2021 iaitu sebanyak **9,281**, di mana berlaku sedikit peningkatan iaitu sebanyak **11.30%**. Perbandingan pecahan jumlah bilangan lesen yang dicetak pada tahun 2021 dan tahun 2022 mengikut kategori adalah seperti yang ditunjukkan pada **Carta 6**.



CARTA 6

RUMUSAN PERMOHONAN LESEN BARU, MEMBAHARUI, UBAH SYARAT LESEN DAN CETAKAN LESEN TAHUN 2021 DAN 2022


JENIS PERMOHONAN	2021		2022	
	BILANGAN TERIMA	BILANGAN LULUS	BILANGAN TERIMA	BILANGAN LULUS
Baru	2,384	2,210	2,378	2,312
Membaharui	5,472	5,201	6,340	6,003
Ubah Syarat	3,619	3,436	3,903	3,785
Cetakan Lesen	9,281	9,281	10,330	10,330
JUMLAH	**20,756**	**20,128**	**22,951**	**22,430**

JADUAL 1

RUMUSAN PERMOHONAN MENGIKUT PECAHAN CAWANGAN LPKP SARAWAK BAGI TAHUN 2022

JENIS PERMOHONAN	2022					
	KUCHING		SIBU		MIRI	
	TERIMA	LULUS	TERIMA	LULUS	TERIMA	LULUS
Baharu/Tambahan	1,021	982	349	344	1,008	986
Membaharui	2,692	2,592	1,443	1,434	2,205	1,977
Ubah Syarat	2,290	2,250	778	774	835	761
Cetakan Lesen	4,416	4,416	2,104	2,104	3,810	3,810
JUMLAH	**10,419**	**10,240**	**4,674**	**4,656**	**7,858**	**7,534**

JADUAL 2



CARTA 7


1.5 RAYUAN

1.5.1. Seksyen 27, Akta LPKP 1987 (Akta 334) telah memperuntukkan bahawa mana-mana pihak yang tidak berpuas hati dengan keputusan yang dibuat oleh Lembaga terhadap permohonan lesen baru, membaharui lesen dan pembatalan lesen, boleh membuat rayuan kepada Menteri di Kementerian Pengangkutan Malaysia.

1.5.2. Sepanjang Tahun 2022, LPKP Sarawak telah menerima satu (1) permohonan rayuan bagi Kelas Lesen Bas Sekolah di mana pemilik lesen merayu untuk melanjutkan tempoh pembaharuan lesen bagi kenderaan yang telah mencapai had umur maksima. Walau bagaimanapun permohonan rayuan tersebut **tidak dapat dipertimbangkan** memandangkan ia tidak memenuhi ketetapan dasar/peraturan sedia ada Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Sarawak yang mensyaratkan umur maksimum kenderaan di bawah Kelas Lesen Bas Sekolah adalah 30 tahun dari tarikh pendaftaran di Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) pada ketika itu.

1.6 KEDUDUKAN LESEN AKTIF

Sehingga 31 Disember 2022, lesen terkumpul LPKP Sarawak yang merangkumi seluruh Bahagian mengikut pecahan lesen telah mengeluarkan sebanyak **65,756** lesen seperti ditunjukkan di **Jadual 3**.



JADUAL 3

1.7 DASAR-DASAR DAN PERATURAN-PERATURAN BARU TAHUN 2022

Sepanjang tahun 2022, LPKP Sarawak telah memperkenalkan pelbagai dasar, kaedah, dan peraturan baharu bagi tujuan ke arah penambahbaikan dasar sedia ada seperti berikut:

1.7.1 Arahan Mempamerkan Pelekat Aduan JPJ Sarawak dan LPKP Sarawak di Badan Kenderaan Perdagangan

i. Selaras dengan penstrukturan semula organisasi LPKP Sarawak pada 1 Januari 2019, fungsi penguatkuasaan LPKP Sarawak telah berpindah ke JPJ Sarawak sepenuhnya. Oleh yang demikian, sebarang aduan awam mengenai perlanggaran syarat-syarat pelesenan dan kesalahan trafik yang diterima oleh LPKP Sarawak akan disalurkan ke JPJ Sarawak bagi tujuan penguatkuasaan.

ii. YB Menteri Pengangkutan telah memutuskan supaya pelekat aduan pada badan kenderaan perdagangan di Malaysia dikekalkan atau dibuat penambahbaikan. Sehubungan itu, LPKP Sarawak telah membuat penambahbaikan terhadap pelekat aduan sedia ada dengan memperkenalkan pelekat aduan baharu yang memaparkan emel aduan JPJ Sarawak dan LPKP Sarawak serta nombor talian *whatsapp* LPKP Sarawak. Dengan pelaksanaan pelekat aduan yang baharu ini, penggunaan pelekat aduan yang memaparkan nombor talian *hotline* LPKP Sarawak 1800-88-2466 adalah dibatalkan.

1.7.2 Kebenaran Penggerak Utama (*Prime Mover*) Untuk Menarik Semi Treler Dalam Kumpulan Syarikat Di Bawah Lesen Pembawa A (selain kontena) di Sarawak

i. Lembaga pada Mesyuarat Lembaga Bil.4/2022 telah bersetuju untuk meluluskan peraturan berkenaan mengikut syarat-syarat yang ditetapkan oleh pihak Kementerian Pengangkutan Malaysia.

ii. Pelaksanaan tersebut adalah tertakluk kepada pengekalan syarat-syarat pelaksanaan Fasa 1 - Lesen Pembawa A (Kontena) dengan penambahan syarat-syarat seperti berikut :-

a. Hanya melibatkan anak-anak syarikat di peringkat pertama (*first tier*) sahaja dalam sesebuah kumpulan syarikat;

b. Berat Dengan Muatan (BDM) *prime mover* dan separa treler mesti berdasarkan kepada BDM separa treler / treler; atau Berat Gabungan Keseluruhan (BGK) *prime mover* yang mana terendah;

c. Penguatkuasaan ke atas kesalahan akan dikenakan kepada pemilik *prime mover* sahaja;

d. Keperluan untuk pihak syarikat mendapatkan kelulusan teknikal kenderaan terlebih dahulu daripada pihak JPJ Sarawak sebelum memajukan permohonan kepada pihak LPKP Sarawak;

e. Kebenaran ini hanya boleh digunakan untuk kenderaan yang dikategorikan di bawah jenis kenderaan yang sama sahaja (terpakai bagi Fasa 1 dan 2); dan

f. Polisi untuk pendaftaran Lesen Pembawa A (selain kontena) dikekalkan kepada 1 *Prime Mover* kepada 1 Semi-treler (1:1). *Prime Mover* dan Semi-Treler yang ingin dikongsi dalam kumpulan syarikat mestilah telah berdaftar dengan LPKP Sarawak.

iii. Syarat ii.d iaitu pihak syarikat hendaklah mendapatkan kelulusan teknikal kenderaan daripada pihak JPJ Sarawak adalah diwajibkan agar keselamatan semua pihak terpelihara.

1.7.3 Pelanjutan Had Umur Untuk Beroperasi Bagi Bas Sekolah Daripada Tidak Melebihi 30 Tahun Kepada Tidak Melebihi 33 Tahun

i. Lembaga pada Mesyuarat Lembaga Bil.7/2022 telah bersetuju untuk meluluskan pelanjutan had umur untuk beroperasi bagi Bas Sekolah daripada tidak melebihi 30 tahun kepada tidak melebihi 33 tahun dengan kelulusan diberi setahun sehingga mencapai had umur untuk beroperasi selama 33 tahun.

ii. Kriteria-kriteria Bas Sekolah yang telah mencapai had umur untuk beroperasi selama 30 tahun yang hendak dilanjutkan had umur untuk beroperasi kepada 33 tahun adalah ditetapkan seperti berikut :-

Aspek Teknikal:

a. Warna badan kenderaan yang akan digunakan sebagai Bas Sekolah hendaklah diluluskan oleh Ketua Pengarah JPJ Malaysia dari segi spesifikasi pembinaan dan kegunaan;

b. Dilulus kegunaannya oleh Ketua Pengarah JPJ Malaysia sebagai Bas Sekolah;

c. Lulus menjalani pemeriksaan awalan Puspakom (PG11A, PG13B & Lampiran B); dan

d. No. *Casis* dan No. Enjin tidak terusik selaras dengan Seksyen 7, Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333).

Aspek Imej:

a. Keadaan tempat duduk yang selesa, kemas, tidak koyak dan bersih;

b. Alat penghawa dingin di dalam bas masih berkeadaan baik; dan

c. Pengekalan warna ‘ember’ mengikut spesifikasi yang ditetapkan dalam Kaedah-Kaedah Bas Sekolah (Warna dan Tanda) 1987.

d. Pengecualian diberikan kepada Bas Sekolah milik sekolah atau institusi pengajian tinggi (IPT) seperti yang ditakrifkan dalam Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30).

1.7.4 Permohonan Luas Kawasan Operasi (KOP) Bagi Teksi Dilanjutkan Tempoh Kelulusannya Daripada 1 Tahun Kepada Mengikut Tempoh Sah Laku Permit

i. Lembaga pada Mesyuarat Lembaga Bil.9/2022 bersetuju untuk meluluskan permohonan Luas Kawasan Operasi (KOP) bagi Teksi yang dilanjutkan tempoh kelulusannya daripada 1 tahun kepada mengikut tempoh sah laku permit.

ii. Sementara itu, caj bayaran yang dikenakan akan dikira mengikut tempoh kelulusan yang diberikan.

1.7.5 Permohonan Luas Kawasan Operasi (KOP) Bagi Kereta Sewa Dilanjutkan Tempoh Kelulusannya Daripada 6 Bulan Kepada Mengikut Tempoh Sah Laku Permit

i. Lembaga pada Mesyuarat Lembaga Bil.10/2022 bersetuju untuk meluluskan permohonan Luas Kawasan Operasi (KOP) bagi Kereta Sewa yang dilanjutkan tempoh kelulusannya daripada 6 bulan kepada mengikut tempoh sah laku permit.

ii. Sementara itu, caj bayaran yang dikenakan akan dikira mengikut tempoh kelulusan yang diberikan.

1.8 SIRI MESYUARAT LEMBAGA BAGI TAHUN 2022

13 Januari 2022 — BILIK MESYUARAT LPKP SARAWAK — 1/2022

18 Februari 2022 — BILIK MESYUARAT LPKP SARAWAK — 2/2022

17 Mac 2022 — BILIK MESYUARAT LPKP SARAWAK — 3/2022

26 April 2022 — BILIK MESYUARAT LPKP SARAWAK — 4/2022

7 Jun 2022 — BILIK MESYUARAT LPKP SARAWAK — 5/2022

18 Julai 2022 — BILIK MESYUARAT LPKP SARAWAK — 6/2022

18 Ogos 2022 — BILIK MESYUARAT LPKP SARAWAK — 7/2022

29 September 2022 — BILIK MESYUARAT LPKP SARAWAK — 8/2022

25 Oktober 2022 — BILIK MESYUARAT SRDC SIBU — 9/2022

5 Disember 2022 — BILIK MESYUARAT LPKP SARAWAK — 10/2022

DIREKTORI KORPORAT
LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SARAWAK

Ibu Pejabat, Kuching

Pengarah
Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sarawak
Tingkat 12, Bangunan Sultan Iskandar, Jalan Simpang Tiga
93400 Kuching, Sarawak
http://www.lpkpsarawak.gov.my
Tel: 082-412033
Faks: 082-256757

LPKP Cawangan Sibu

Ketua Cawangan
Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sarawak
Cawangan Sibu, Wisma Persekutuan
Jalan Awang Ramli Amit
96000 Sibu, Sarawak
Tel: 084-343103
Faks: 084-343940

LPKP Cawangan Miri

Ketua Cawangan
Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sarawak
Cawangan Miri, Tingkat Bawah, Blok B
Wisma Persekutuan Fasa II, Jalan Cahaya Lopeng
98000 Miri, Sarawak
Tel : 085-419876
Faks : 085-426285


LAPORAN
TAHUNAN
2022
LEMBAGA PELESENAN
KENDERAAN PERDAGANGAN
LPKP
SARAWAK
LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN (LPKP) SARAWAK

LAMPIRAN


SENARAI AHLI LEMBAGA & AHLI SILIH GANTI
LPKP SARAWAK TAHUN 2022

LAMPIRAN A


	Tarikh Lantikan	Tarikh Tamat
YB Datuk Ding Kuong Hiing Pengerusi	25.04.2022	19.12.2022
YBhg. Dato Peter Minos Timbalan Pengerusi	4.8.2020	19.12.2022
Puan Masitah binti Annuar Setiausaha / Pengarah (LPKP Sarawak)	01.04.2021	31.03.2024
Encik Wan Mohd Asraf bin Wan Salleh Ahli Lembaga (MOT)	14.2.2022	13.2.2025
Encik Norizan bin Jili Ahli Lembaga (JPJ)	30.11.2021	29.11.2024
YBhg. Datu Buckland anak Bangik Ahli Lembaga (MOTS)	30.6.2020	29.6.2023
Puan Liza Jayub binti Abdullah Ahli Lembaga (PUSPAKOM)	30.06.2021	20.06.2024
Superintenden Bingkok anak John Ahli Lembaga (PDRM)	7.10.2022	6.10.2025
Encik Milton Foo Tiang Wee Ahli Lembaga (Bebas)	14.8.2020	19.12.2022
Dr Lawrence Tseu Sed Kong Ahli Silih Ganti (MOTS)	30.06.2020	29.06.2023
Encik Erick anak Jusiang Ahli Silih Ganti (JPJ)	01.10.2019	30.09.2022
Encik Thomson anak Jutis Ahli Silih Ganti (PUSPAKOM)	15.3.2022	14.3.2025
DSP Mathew anak Manggie Ahli Silih Ganti (PDRM)	30.11.2021	29.11.2024

CARTA ORGANISASI KESELURUHAN
LPKP SARAWAK TAHUN 2022

LAMPIRAN B



CARTA ORGANISASI CAWANGAN SIBU & MIRI



RINGKASAN BILANGAN PERJAWATAN, PENGISIAN DAN KEKOSONGAN (JIK) DI LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SARAWAK SEHINGGA 31 DISEMBER 2022

KATEGORI JAWATAN	Perjawatan	Pengisian	Kosong
Pengurusan & Profesional	12	10	2
Kumpulan Pelaksana I	47	37	10
Kumpulan Pelaksana II	13	10	3
JUMLAH	72	57	15

LAMPIRAN D

SIRI MESYUARAT LEMBAGA
LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SARAWAK TAHUN 2022

Bil 1/2022 **Bilik Mesyuarat Utama, LPKP Sarawak** | **13 Januari 2022**

1. **YBhg. Dato Peter Minos**
   Pengerusi
2. **Puan Masitah binti Annuar**
   Setiausaha
3. **Puan Liza Jayub binti Abdullah**
   Ahli Lembaga
4. **Dr Lawrence Tseu Sed Kong**
   Ahli Silih Ganti
5. **Encik Razami bin Mohamad Jamali**
   Urusetia Ibu Pejabat, Kuching
6. **Puan Siti Khairuniza binti Ibrahim**
   Urusetia Ibu Pejabat, Kuching
7. **Puan Jacqueline anak Charlie**
   Urusetia Ibu Pejabat, Kuching
8. **Encik Mohd. Suhaimi bin Ab Karim**
   Urusetia Ibu Pejabat, Kuching
9. **Puan Irina binti Ibrahim**
   Urusetia Ibu Pejabat, Kuching
10. **Puan Elizebeth Mayang Thomas**
    Urusetia Cawangan Miri
11. **Encik Wong Siong Siang**
    Urusetia Cawangan Sibu
12. **Encik Alister Australia anak Akin**
    Urusetia Ibu Pejabat, Kuching
13. **Puan Zuraidah binti Ismawi**
    Urusetia Ibu Pejabat, Kuching

Bil 2/2022 **Bilik Mesyuarat Utama, LPKP Sarawak** | **18 Februari 2022**

1. **YBhg. Dato Peter Minos**
   Pengerusi
2. **Puan Masitah binti Annuar**
   Setiausaha
3. **Encik Wan Mohd Asraf bin Wan Salleh**
   Ahli Lembaga
4. **Puan Liza Jayub binti Abdullah**
   Ahli Lembaga
5. **Encik Milton Foo Tiang Wee**
   Ahli Lembaga
6. **Dr Lawrence Tseu Sed Kong**
   Ahli Silih Ganti
7. **Encik Erick anak Jusiang**
   Ahli Silih Ganti
8. **Tuan DSP Mathew anak Manggie**
   Ahli Silih Ganti
9. **Encik Mohd Kamal Hisham bin Abu Bakar**
   BLPD, MOT
10. **Encik Razami bin Mohamad Jamali**
    Urusetia Ibu Pejabat, Kuching
11. **Puan Siti Khairuniza binti Ibrahim**
    Urusetia Ibu Pejabat, Kuching
12. **Puan Jacqueline anak Charlie**
    Urusetia Ibu Pejabat, Kuching
13. **Puan Irina binti Ibrahim**
    Urusetia Ibu Pejabat, Kuching
14. **Encik Wong Siong Siang**
    Urusetia Cawangan Sibu
15. **Encik Saini bin Tamin**
    Urusetia Cawangan Miri
16. **Encik Alister Australia anak Akin**
    Urusetia Ibu Pejabat, Kuching
17. **Puan Zuraidah binti Ismawi**
    Urusetia Ibu Pejabat, Kuching

Bil 3/2022 **Bilik Mesyuarat Utama, LPKP Sarawak** | **17 Mac 2022**

1. **YBhg. Dato Peter Minos**
   Pengerusi
2. **Puan Masitah binti Annuar**
   Setiausaha
3. **Encik Wan Mohd Asraf bin Wan Salleh**
   Ahli Lembaga
4. **Encik Norizan bin Jili**
   Ahli Lembaga
5. **Tuan Superintenden Alexson Naga anak Chabu**
   Ahli Lembaga
6. **Encik Tay Nguan Hua**
   wakil Ahli Silih Ganti MOTS
7. **Encik Razami bin Mohamad Jamali**
   Urusetia Ibu Pejabat, Kuching
8. **Puan Siti Khairuniza binti Ibrahim**
   Urusetia Ibu Pejabat, Kuching
9. **Puan Jacqueline anak Charlie**
   Urusetia Ibu Pejabat, Kuching
10. **Encik Wong Siong Siang**
    Urusetia Cawangan Sibu
11. **Puan Elizebeth Mayang Thomas**
    Urusetia Cawangan Miri
12. **Encik Alister Australia anak Akin**
    Urusetia Ibu Pejabat, Kuching
13. **Puan Zuraidah binti Ismawi**
    Urusetia Ibu Pejabat, Kuching

Bil 4/2022 **Bilik Mesyuarat Utama, LPKP Sarawak** | **26 April 2022**

1. **YBhg. Dato Peter Minos**
   Pengerusi
2. **Puan Masitah binti Annuar**
   Setiausaha
3. **Encik Wan Mohd Asraf bin Wan Salleh**
   Ahli Lembaga
4. **Encik Norizan bin Jili**
   Ahli Lembaga
5. **Puan Liza Jayub binti Abdullah**
   Ahli Lembaga
6. **Encik Milton Foo Tiang Wee**
   Ahli Lembaga
7. **Dr Lawrence Tseu Sed Kong**
   Ahli Silih Ganti
8. **Tuan DSP Mathew anak Manggie**
   Ahli Silih Ganti
9. **Encik Razami bin Mohamad Jamali**
   Urusetia Ibu Pejabat, Kuching
10. **Puan Jacqueline anak Charlie**
    Urusetia Ibu Pejabat, Kuching
11. **Puan Irina binti Ibrahim**
    Urusetia Ibu Pejabat, Kuching
12. **Encik Wong Siong Siang**
    Urusetia Cawangan Sibu
13. **Puan Elizebeth Mayang Thomas**
    Urusetia Cawangan Miri
14. **Encik Alister Australia anak Akin**
    Urusetia Ibu Pejabat, Kuching
15. **Puan Sahaya anak Saba**
    Urusetia Ibu Pejabat, Kuching

Bil 5/2022 **Bilik Mesyuarat Utama, LPKP Sarawak** | **9 Jun 2022**

1. **YB Datuk Ding Kuong Hiing**
   Pengerusi
2. **YBhg. Dato Peter Minos**
   Timbalan Pengerusi
3. **Puan Masitah binti Annuar**
   Setiausaha
4. **Encik Norizan bin Jili**
   Ahli Lembaga
5. **Dr Lawrence Tseu Sed Kong**
   Ahli Silih Ganti
6. **Tuan DSP Mathew anak Manggie**
   Ahli Silih Ganti
7. **Encik Wong Teck Chang**
   wakil Ahli Silih Ganti JPJ
8. **Puan Irina binti Ibrahim**
   Urusetia Ibu Pejabat, Kuching
9. **Encik Wong Siong Siang**
   Urusetia Cawangan Sibu
10. **Puan Elizebeth Mayang Thomas**
    Urusetia Cawangan Miri
11. **Encik Alister Australia anak Akin**
    Urusetia Ibu Pejabat, Kuching
12. **Puan Sahaya anak Saba**
    Urusetia Ibu Pejabat, Kuching

Bil 6/2022 **Bilik Mesyuarat Utama, LPKP Sarawak** | **18 Julai 2022**

1. **YB Datuk Ding Kuong Hiing**
   Pengerusi
2. **YBhg. Dato Peter Minos**
   Timbalan Pengerusi
3. **Puan Masitah binti Annuar**
   Setiausaha
4. **Encik Wan Mohd Asraf bin Wan Salleh**
   Ahli Lembaga
5. **Encik Norizan bin Jili**
   Ahli Lembaga
6. **Encik Milton Foo Tiang Wee**
   Ahli Lembaga
7. **Tuan DSP Mathew anak Manggie**
   Ahli Silih Ganti
8. **Encik Thomson anak Jutis**
   Ahli Silih Ganti
9. **Encik Wong Teck Chang**
   wakil Ahli Silih Ganti JPJ
10. **Encik Tay Nguan Hua**
    wakil Ahli Silih Ganti MOTS
11. **Encik Razami bin Mohamad Jamali**
    Urusetia Ibu Pejabat, Kuching
12. **Puan Siti Khairuniza binti Ibrahim**
    Urusetia Ibu Pejabat, Kuching
13. **Puan Jacqueline anak Charlie**
    Urusetia Ibu Pejabat, Kuching
14. **Puan Irina binti Ibrahim**
    Urusetia Ibu Pejabat, Kuching
15. **Encik Wong Siong Siang**
    Urusetia Cawangan Sibu
16. **Puan Elizebeth Mayang Thomas**
    Urusetia Cawangan Miri
17. **Encik Alister Australia anak Akin**
    Urusetia Ibu Pejabat, Kuching
18. **Puan Sahaya anak Saba**
    Urusetia Ibu Pejabat, Kuching

Bil 7/2022 **Bilik Mesyuarat Utama, LPKP Sarawak** | **18 Ogos 2022**

1. **YB Datuk Ding Kuong Hiing**
   Pengerusi
2. **Puan Masitah binti Annuar**
   Setiausaha
3. **Encik Milton Foo Tiang Wee**
   Ahli Lembaga
4. **Tuan DSP Mathew anak Manggie**
   Ahli Silih Ganti
5. **Encik Thomson anak Jutis**
   Ahli Silih Ganti
6. **Encik Julin Alen**
   wakil Ahli Silih Ganti MOTS
7. **Encik Razami bin Mohamad Jamali**
   Urusetia Ibu Pejabat, Kuching
8. **Puan Siti Khairuniza binti Ibrahim**
   Urusetia Ibu Pejabat, Kuching
9. **Puan Jacqueline anak Charlie**
   Urusetia Ibu Pejabat, Kuching
10. **Puan Irina binti Ibrahim**
    Urusetia Ibu Pejabat, Kuching
11. **Encik Wong Siong Siang**
    Urusetia Cawangan Sibu
12. **Puan Elizebeth Mayang Thomas**
    Urusetia Cawangan Miri
13. **Encik Alister Australia anak Akin**
    Urusetia Ibu Pejabat, Kuching
14. **Puan Sahaya anak Saba**
    Urusetia Ibu Pejabat, Kuching

Bil 8/2022 **Bilik Mesyuarat Utama, LPKP Sarawak** | **29 September 2022**

1. **YB Datuk Ding Kuong Hiing**
   Pengerusi
2. **Puan Masitah binti Annuar**
   Setiausaha
3. **Encik Wan Mohd Asraf bin Wan Salleh**
   Ahli Lembaga
4. **Dr Lawrence Tseu Sed Kong**
   Ahli Silih Ganti
5. **Encik Wong Teck Chang**
   wakil Ahli Silih Ganti JPJ
6. **Puan Siti Khairuniza binti Ibrahim**
   Urusetia Ibu Pejabat, Kuching
7. **Puan Jacqueline anak Charlie**
   Urusetia Ibu Pejabat, Kuching
8. **Puan Irina binti Ibrahim**
   Urusetia Ibu Pejabat, Kuching
9. **Encik Wong Siong Siang**
   Urusetia Cawangan Sibu
10. **Puan Elizebeth Mayang Thomas**
    Urusetia Cawangan Miri
11. **Encik Alister Australia anak Akin**
    Urusetia Ibu Pejabat, Kuching
12. **Puan Sahaya anak Saba**
    Urusetia Ibu Pejabat, Kuching

Bil 9/2022 | **Bilik Mesyuarat 1, Majlis Daerah Luar Bandar Sibu, Tingkat 18, Wisma Sanyan, Sibu** | **25 Oktober 2022**

1. **YB Datuk Ding Kuong Hiing**
   Pengerusi
2. **Puan Masitah binti Annuar**
   Setiausaha
3. **Encik Norizan bin Jili**
   Ahli Lembaga
4. **Puan Liza Jayub binti Abdullah**
   Ahli Lembaga
5. **Dr Lawrence Tseu Sed Kong**
   Ahli Silih Ganti
6. **Tuan DSP Mathew anak Manggie**
   Ahli Silih Ganti
7. **Encik Wong Teck Chang**
   wakil Ahli Silih Ganti JPJ
8. **Puan Siti Khairuniza binti Ibrahim**
   Urusetia Ibu Pejabat, Kuching
9. **Encik Wong Siong Siang**
   Urusetia Cawangan Sibu
10. **Puan Elizebeth Mayang Thomas**
    Urusetia Cawangan Miri
11. **Puan Sahaya anak Saba**
    Urusetia Ibu Pejabat, Kuching

Bil 10/2022 **Bilik Mesyuarat Utama, LPKP Sarawak** | **05 Disember 2022**

1. **YB Datuk Ding Kuong Hiing**
   Pengerusi
2. **Puan Masitah binti Annuar**
   Setiausaha
3. **Encik Wan Mohd Asraf bin Wan Salleh**
   Ahli Lembaga
4. **Encik Norizan bin Jili**
   Ahli Lembaga
5. **Puan Liza Jayub binti Abdullah**
   Ahli Lembaga
6. **Encik Milton Foo Tiang Wee**
   Ahli Lembaga
7. **Dr Lawrence Tseu Sed Kong**
   Ahli Silih Ganti
8. **Encik Wong Teck Chang**
   wakil Ahli Silih Ganti JPJ
9. **Encik Razami bin Moamad Jamali**
   Urusetia Ibu Pejabat, Kuching
10. **Puan Siti Khairuniza binti Ibrahim**
    Urusetia Ibu Pejabat, Kuching
11. **Puan Jacqueline anak Charlie**
    Urusetia Ibu Pejabat, Kuching
12. **Puan Irina binti Ibrahim**
    Urusetia Ibu Pejabat, Kuching
13. **Encik Wong Siong Siang**
